



## TEKS UCAPAN

**YB DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

***Sempena***

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK MEMBINA JAMBATAN BAGAN  
DATUK, DAERAH BAGAN DATUK KE KAMPUNG SEJAGOP,  
DAERAH PERAK TENGAH, PERAK DARUL RIDZUAN**

***Pada***

**28 OKTOBER 2017 (SABTU)**

***Masa***

**1.00 PETANG**

***Tempat***

**TAPAK PROJEK, BAGAN DATUK, PERAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd Kadir  
Menteri Besar Perak,

Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar  
Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya,

Exco-Exco Kerajaan Negeri Perak, Wakil-Wakil Rakyat Negeri Perak,

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian.

1. *Alhamdulillah*, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan-Nya kita semua berpeluang hadir pada petang ini bagi sama-sama menyaksikan Majlis Pecah Tanah Projek Membina Jambatan Bagan Datuk, Daerah Bagan Datuk Ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan.
  
2. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian tetamu kehormat kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia hadir bagi menyempurnakan majlis pecah tanah ini. Saya percaya kehadiran Yang Amat Berhormat akan memberikan makna yang istimewa kepada semua tetamu jemputan yang hadir.

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasih sekalian.

3. Kita merasa amat bertuah kerana dapat menyaksikan satu lagi detik bersejarah di mana projek yang dinanti-nantikan oleh penduduk di daerah Bagan Datuk terutamanya, akan dilaksanakan. Pada hari ini, penduduk Bagan Datuk akan melihat sendiri bermulanya kerja-kerja pembinaan Jambatan Bagan Datuk merentasi sungai Perak ke daerah Perak Tengah dan daerah Manjung yang akan menjadi salah satu mercu tanda kepada daerah Bagan Datuk setelah siap kelak.
4. Projek Membina Jambatan Bagan Datuk, Daerah Bagan Datuk Ke Kampung Sejagop, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan ini merupakan sebuah projek yang memberi manfaat secara langsung kepada penduduk di sekitar daerah Bagan Datuk dan daerah Perak Tengah serta daerah Manjung; di mana jarak perjalanan yang perlu dilalui sebelum ini adalah sejauh 50 kilometer, kini hanya perlu menempuh jarak perjalanan sejauh 10.2 kilometer sahaja dan secara tidak langsung memberi kesan positif kepada kos bahan api bagi setiap kenderaan yang melalui jambatan ini.
5. Projek yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 1 (2016), Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di mana kita dapat menyaksikan terbinanya sebuah jambatan merentasi sungai Perak sepanjang 1.5 kilometer piawaian R5 (2 lorong 2 hala) dengan kelebaran 14 meter. Selain itu, pembinaan jalan tuju sepanjang 8.7 kilometer turut dilaksanakan bermula dari laluan FT069 (berhampiran dengan pekan Bagan Datuk) dan berakhir di laluan FT005 di Kampung Sejagop, daerah Perak Tengah.
6. Skop kerja lain yang turut terlibat di dalam pembinaan jambatan ini adalah pembinaan 3 jambatan baru dan sistem saliran di sepanjang jalan utama. Persimpangan lampu isyarat di laluan FT069 (Bagan Datuk) dan persimpangan keluar masuk di laluan FT005 (Kampung Sejagop) juga akan

dilaksanakan bagi memastikan kelancaran aliran trafik semasa. Skop kerja lain yang turut terlibat di dalam pembinaan jambatan ini adalah pemasangan perabot jalan, kerja-kerja elektrik seperti pemasangan lampu jalan, pengambilan balik tanah dan kerja-kerja pengalihan utiliti.

7. Projek bernilai RM446.9 juta ini yang bermula pada Julai 2017 dan dijangka siap pada Julai 2020 bakal memberi impak yang tinggi serta kesan positif dalam memastikan pembangunan daerah Bagan Datuk menjadi daerah yang pesat membangun seiring dengan pengisytiharan daerah Bagan Datuk sebagai daerah penuh ke-12 di Perak pada Januari 2017 yang lalu.

Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasih sekalian.

8. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana sudi hadir bersama-sama kita pada hari ini bagi menyempurnakan majlis pecah tanah. Saya mewakili pihak Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memastikan projek-projek pembangunan Kementerian Kerja Raya di daerah Bagan Datuk dipantau dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dengan ini saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalam*  
*Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian terima kasih.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENSWASTAAN  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
28 OKTOBER 2017**